



02 JUL, 2025

Bayar bil lebih murah jika jimat penggunaan elektrik



Utusan Malaysia, Malaysia

Bayar bil lebih murah jika jimat penggunaan elektrik

SAYA merujuk laporan *Utusan Malaysia*, terbitan 21 Jun lalu, bertajuk *Lebih 23.6 juta pengguna domestik Semenanjung nikmati kadar lebih adil*. Ia berita yang menggembirakan pengguna.

Bagus langkah ini, saya puji tetapi meminta pengguna menjimatkan elektrik. Ia adalah sikap yang patut dilakukan terutama dalam merealisasikan agenda peralihan tenaga negara.

Beberapa tip disaran untuk menjimatkan elektrik sekali gus dapat mengurangkan perbelanjaan isi rumah. Jimatlah elektrik seberapa yang boleh.

- Padam semua lampu bilik atau ruang sekiranya tiada sesiapa di situ. Sebagai contoh, jika anda sekeluarga berehat di ruang tamu, pastikan lampu bilik tidur, ruang makan atau dapur ditutup.

- Tutup semua suis peralatan elektrik dan elektronik jika tidak digunakan. Sebaik-baiknya jangan dibiarkan dalam mod bersedia.

- Sebaik-baiknya guna kipas angin dan elak penggunaan penyaman udara. Gunakan penyaman udara jika cuaca terlalu panas.

- Guna satu mentol lampu besar jika memerlukan lebih pencahayaan berbanding mentol bersaiz kecil tetapi banyak bilangannya.

- Didik ahli keluarga menutup suis lampu, kipas atau alatan lain setelah meninggalkan bilik atau ruang.

- Pasang lampu di luar rumah jika perlu sahaja seperti menunggu kedatangan tetamu, menyambut perayaan, mengadakan majlis atau kenduri.

- Elak guna mesin basuh melebihi muatan atau muatan penuh. Selain hasil cucian kurang bersih, ia juga mengakibatkan penggunaan tenaga elektrik berlebihan.

- Pastikan pintu peti ais ditutup rapat setelah digunakan. Rajin bersihkan habuk atau debu yang terdapat di peti sejuk.

Peti sejuk beku yang penuh mengurangkan penggunaan tenaga. Jadi, sekiranya peti kosong, isikan kiub ais atau bekas ais supaya tenaga tidak dibuang begitu sahaja.

NK SHERGILL
Bekas jurutera elektrik
Kajang



DIDIK diri dan keluarga cara menjimatkan elektrik yang dapat membantu mengurangkan perbelanjaan bulanan.